

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting tentang pembiayaan Pembiayaan Kenderaan-i Muamalat anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1 APAKAH ITU PEMBIAYAAN KENDERAAN-i MUAMALAT

Pembiayaan Kenderaan-i Muamalat ialah produk pembiayaan kenderaan berdasarkan kontrak Syariah Murabahah (Pesanan Belian Murabahah) yang menawarkan pembiayaan fasiliti kenderaan bermotor iaitu kereta dan motosikal besar (250cc dan ke atas).

Margin pembiayaan yang ditawarkan adalah sehingga 90% harga "on-the-road (OTR)" untuk permohonan skim standard & skim berperingkat dan sehingga 100% harga OTR untuk permohonan skim "Auto Grad", skim kerajaan, Skim "Eco Green", dan skim "Structured". Kelayakan pembiayaan pelanggan tertakluk kepada penilaian olipihak Bank.

Bagi Skim "Eco Green", margin pembiayaan untuk Kenderaan Elektrik ("EV") termasuk Kotak Pengecas ("Charger Box") kenderaan EV tersebut.

Produk ini distrukturkan di bawah konsep Murabahah, disokong oleh Wa'd Mulzim, Wakalah dan Rahn. Murabahah ialah kontrak belian dan jualan aset di mana kos dan margin keuntungan adalah diketahui. Di bawah Wa'd Mulzim, pelanggan membuat perjanjian secara terikat untuk membeli kenderaan tersebut selepas pihak Bank memperoleh hak ke atas kenderaan berkenaan. Wakalah ialah kontrak di mana pelanggan, sebagai prinsipal (muwakkil), memberi kuasa kepada Bank sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu yang boleh diwakilkan. Rahn pula merujuk kepada kontrak di mana pelanggan (rahin) menjanjikan kenderaan sebagai gadaian/cagaran (marhun) kepada Bank, sebagai penerima gadaian (murtahin), bagi memenuhi liabiliti pembiayaan (marhun bih) sekiranya berlaku kegagalan bayaran.

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

A. Pakej Standard

Pengiraan Pembiayaan	
Margin Pembiayaan	: Sehingga 90%
Deposit	: Minimum 10%
Tempoh Pembiayaan	: Sehingga 108 bulan (9 tahun)
Kadar Keuntungan* (tertakluk kepada perubahan)	: Kadar Sama Rata: Kadar keuntungan berbeza bergantung pada pembuatan, dan model kenderaan. Kadar Terapung: Berdasarkan Kadar Asas Standard (KAS) + Spread. Maksimum dihadkan pada 10% sahaja.
Lain-lain	: Pihak Bank boleh membiayai kos-kos lain seperti Takaful Pembiayaan Auto Berjangka ["AFTT"] dan wasiat.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan secara penuh selama **9 tahun**. Hubungi kami jika anda berhasrat untuk menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Segera hubungi kami jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

B. Skim Berperingkat

Pengiraan Pembiayaan	
Margin Pembiayaan	: Sehingga 90%
Deposit	: Minimum 10%
Tempoh Pembiayaan	: 60, 84, atau 108 bulan.
Kadar Keuntungan* (tertakluk kepada perubahan)	: Kadar Sama Rata: Kadar keuntungan berbeza bergantung pada pembuatan, dan model kenderaan.
Lain-lain	: Pihak Bank boleh membiayai kos-kos lain seperti Takaful Pembiayaan Auto Berjangka ["AFTT"] dan wasiat.

Pakej Standard & Skim Berperingkat

Ilustrasi kiraan	Kadar Terapung	Kadar Sama Rata
Kadar keuntungan	2.75% (KAS Semasa) + 1.67% = 4.42% setahun	2.95% setahun
Tempoh	9 tahun	9 tahun
Amaun Pembiayaan	RM 50,000	RM 50,000
Harga Jualan	RM 76,024.91	RM 63,275.00
Bayaran Bulanan	RM 560.06	RM 585.88
Jumlah kos keuntungan selepas 9 tahun	RM 10,486.48	RM 13,275.00
Jumlah bayaran selepas 9 tahun	RM 60,486.48	RM 63,275.04
Kadar Keuntungan Efektif	4.51%	5.55%

Nota: Kadar terapung adalah berdasarkan kadar siling sebanyak 10%.

Pakej pembiayaan berperingkat, jumlah harga jualan yang perlu dibayar akan dibahagikan kepada peringkat seperti berikut:

Pilihan	Tempoh Pembiayaan	Pelan Berperingkat
1	5 tahun	a) Peringkat 1 - tahun 1 - 3 b) Peringkat 2 - tahun 4 - 5
2	7 tahun	a) Peringkat 1 - tahun 1 - 3 b) Peringkat 2 - tahun 4 - 7
3	9 tahun	a) Peringkat 1 - tahun 1 - 3 b) Peringkat 2 - tahun 4 - 6 c) Peringkat 3 - tahun 7 - 9

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Fi & Caj

Fi & Caj		Amaan
Setem Hasil Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak 1989)	Surat Tawaran & Perjanjian Pembiayaan	RM 10
	Surat Wakil Kuasa	RM 10
	Surat Jaminan & Gantirugi (jika ada)	RM 10
Pembaharuan cukai jalan oleh BMMB.	Caj Perkhidmatan	RM10.80* bagi setiap pembaharuan
Caj lewat bayar	1% setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang.	

- Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.
- Bagi sebarang perubahan kepada kadar keuntungan efektif, Bank akan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari sebelum tarikh kadar keuntungan efektif yang disemak berkuat kuasa, termasuk bilangan atau jumlah ansuran yang disemak, mengikut mana yang berkenaan.
- *Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.

Nota Penting:

Penjamin dan Cagaran?

Tertakluk kepada kelayakan kredit pelanggan dan budi bicara pihak Bank. Kenderaan yang dibiayai akan dicagarkan sebagai cagaran untuk pembiayaan.

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, sila ambil maklum bahawa:-

- Anda akan menerima rebat (ibra') ke atas keuntungan tertangguh mengikut prinsip Syariah.
- Rebat tersebut Adalah muktamad dan mengikat.
- Pihak Bank akan mengira rebat berdasarkan penyelesaian awal dan jumlah bayaran yang telah dibuat.
- Formula Ibra': Baki Tertunggak (Harga Jualan Tertunggak) - Jumlah Prinsipal Tertunggak - Jumlah Terhutang kepada Bank - Pengurangan Ibra'

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apa yang akan berlaku sekiranya anda gagal memenuhi tanggungjawab anda?

- Anda perlu membayar lebih secara keseluruhan disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi/Ta'widh) iaitu 1% setahun daripada ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang.
- Kami boleh menolak wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- Kami akan mengenakan tindakan undang-undang terhadap kamu.
- Skor kredit anda mungkin terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

4 TERMA UTAMA LAIN

- Sila memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda.
- Keperluan untuk penjamin adalah terpakai berdasarkan kes ke kes (berdasarkan terma dan syarat Bank Muamalat)
- Perlindungan Takaful disarankan. Walaubagaimanapun, pelanggan diberikan kebebasan untuk mengambil pelan perlindungan Takaful sama ada daripada penyedia panel Takaful atau bukan panel Takaful (tertakluk kepada Syarat BMMB). Pelan perlindungan Takaful diperlukan untuk melindungi baki pembiayaan semasa anda sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau terma perlindungan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.

Diskaun Ihsan

- Kadar Sama Rata - Bank akan memperkenalkan diskaun ihsan untuk pelanggan layak yang memilih untuk membuat penyelesaian awal, berkuat kuasa S1 2026. Tawaran ini terpakai kepada segmen pelanggan berikut di bawah perjanjian sewa beli kadar tetap (yang dikawal oleh Kaedah 78):
 - Pelanggan Sedia Ada:** Pelanggan yang kini memegang perjanjian sewa beli kadar tetap.
 - Pelanggan Baharu:** Pelanggan yang menandatangani perjanjian sewa beli kadar tetap baharu menggunakan Kaedah 78 dalam tempoh Tangguh 18 bulan.
- Kadar Terapung** - Tidak berkenaan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Pembiayaan Kenderaan-i Muamalat, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
[Pembinaan Kenderaan-i Muamalat](http://www.muamalat.com.my)



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

*Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk

Nama:
Tarikh: